

ANUGERAH INOVASI PERKHIDMATAN AWAM 2016
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
Kategori : TEKNIKAL

NAMA PRODUK : MULTI-PURPOSE ROSTRUM MOBILE SYSTEM
(MPR- MOBILE SYSTEM)

AGENSI : LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDA (KEDA)

1.0 PENGENALAN

Multi- Purpose Rostrum Mobile System atau MPR Mobile System merupakan satu produk yang dibangunkan dalam usaha memudahkan penggunaan rostrum kepada semua peringkat umur, ketinggian dan juga mesra pengguna kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU).

Produk ini dikelaskan sebagai satu inovasi baru dalam penghasilan rostrum untuk kegunaan majlis-majlis rasmi dan juga separa rasmi dan ianya juga praktikal untuk digunakan sebagai rehal di Masjid, Surau dan pusat pengajian tahfiz.

MPR Mobile System juga merupakan satu kaedah baru dalam usaha memudahkan pengendalian sesebuah majlis atau program yang dihadiri oleh semua peringkat dan lapisan masyarakat kerana penggunaan ini dapat menjimatkan masa dan memudahkan pengendalian.

2.0 CIRI-CIRI PRODUK

2.1 Ringan dan boleh laras

Produk yang dicipta ini sangat ringan iaitu kira-kira 20 Kilogram dan didatangkan dalam sebuah set yang lengkap. Malah, saiz yang

kecil iaitu 2.5 kaki X 2.5 Kaki memudahkan pengendalian. Produk ini boleh dilaraskan sesuai dengan ketinggian pengguna dan dapat digunakan oleh semua orang termasuk Orang Kurang Upaya (OKU).

2.2 Praktikal

Mudah dikendalikan oleh sesiapa sahaja dan boleh digunakan dimana-mana saja dengan menggunakan sumber elektrik yang minima. Sumber elektrik juga boleh dicaj dan disimpan di dalam suatu alat khas. Selain itu, kuasa bateri juga boleh digunakan dalam produk ini.

2.3 Kos yang murah

Kos untuk mencipta produk ini ialah RM2,000.00 (RINGGIT MALAYSIA DUA RIBU SAHAJA) dan ianya sangat murah berbanding dengan sebuah rostrum besi. Ditambah dengan penggunaan secara separa automatik dan gabungan sistem yang terkini, kos tersebut dianggap lagi masih murah.

2.4 Ciri Automatik dan Sistem Elektrik terkini termasuk audio dan lampu kecemasan.

Produk ini dilengkapi dengan pelbagai ciri automatik dan sistem elektrik terkini bagi memudahkan penggunaan disamping dapat menjimatkan tenaga manusia dalam mengendalikan sesuatu majlis.

3.0 Manfaat

3.1 Penganjur Majlis

Memudahkan penganjur sesuatu majlis melaksanakan rancangan tanpa memikirkan masalah sistem audio, pelarasan mengikut ketinggian pengguna dan sangat ringan untuk dibawa kemana-mana.

3.2 Pejabat Awam dan Organisasi Masyarakat

Pejabat kerajaan seperti Jabatan Penerangan, Kesihatan dan Kementerian Pendidikan boleh menggunakan produk ini untuk golongan sasar mereka memandangkan jabatan seperti ini banyak melaksanakan majlis. Malah organisasi masyarakat seperti Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), pertubuhan belia dan Koperasi juga boleh menggunakan produk ini.

3.3 Institusi Pengajian

MPR Mobile System ini juga member kemudahan yang baik kepada Institusi Pengajian seperti Sekolah, Institusi Pengajian tinggi Awam dan Swasta, serta Institusi Kemahiran Kerajaan dan Swasta. Selain daripada itu, alat ini juga boleh digunakan untuk Institusi masjid, surau dan kegunaan Desa Desa KEDA.

4.0 Penutup

Sebagai kesimpulannya, MPR Mobile System ini banyak memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat dan memudahkan pengendalian sesuatu majlis.

Malah, ianya satu produk yang dibangunkan dalam satu set yang lengkap seperti sistem audio, lampu, mikrofon, usb card, lampu kecemasan dan sebagainya.

MPR Mobile system ini diharapkan akan dapat membantu memudahkan golongan sasaran dalam menyampaikan idea, pandangan dan pendapat mereka tanpa halangan.